
Nasihat Pemangku Presiden MCA untuk ahli

PULAU PINANG, Ahad — Pemangku Presiden MCA, Datuk Dr Neo Yee Pan, berkata parti itu mestilah membela-kangkan perpecahan yang telah melemahkannya dahulu.

"Ini adalah satu pertimbangan yang penting sekiranya kita mahu MCA tetap kukuh, bersatu dan bersepadu," katanya.

Datuk Dr Neo berkata, pertimbangan peribadi hendaklah diketepikan dalam mengejar matlamat parti.

Bellau berkata demikian ketika merasmikan Konvensyen MCA Negeri Pulau Pinang di sini hari ini.

Datuk Dr Neo berkata, sekiranya ahli-ahli parti mengutamakan kehendak peribadi, "adalah menjadi sukar untuk membentuk MCA menjadi sebuah parti yang dapat menghadapi cabaran dan jauh sekali memberikan kepemimpinan politik yang bertanggungjawab.

Bellau memberi jaminan bahawa MCA memberi peluang yang luas kepada ahli-ahli yang berkebolehan untuk meneruskan pucuk pimpinan parti.

Katanya, adalah menjadi tanggungjawab mereka supaya terus memupuk ahli-ahli yang berkebolehan untuk melengkapkan mereka berhubung dengan kepemimpinan.

"Hanya melalui proses ini dapat kita menentukan barisan pemimpin secara bertepatan untuk memimpin parti bila tiba masanya," katanya.